



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel. : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

Ruj. Kami : JPV/BKP/500-7/1/3 (37)

Tarikh : 31 Januari 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

JADUAL PELAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI BAGI PENGURUSAN PRESTASI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN PELAKSANA MELALUI HRMIS BAGI TAHUN 2024 DIJABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana pihak YBrs. Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Sasaran Kerja Utama (SKU) diguna pakai menggantikan Sasaran Kerja Tahunan bagi membolehkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) dan MyPerformance HRMIS diaktifkan untuk proses penilaian prestasi tahunan. Selaras dengan jadual pelaksanaan penilaian prestasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar, pihak YBrs. Dr./Tuan/Puan perlu **merancang dan memperakukan sub SKU serta dikunci masuk oleh Pentadbir SKU Bahagian** bagi membolehkan penilaian dan laporan pencapaian dilaksanakan dari awal tahun mengikut sukuan seperti jadual di **Lampiran A**.

3. Kerjasama pihak YBrs. Dr./Tuan/Puan dan Pentadbir SKU Bahagian dimohon untuk memastikan perkara ini dapat diselesaikan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kegagalan dalam menyelesaikan submodul MyPerformance (SKU, Kompetensi Tingkah Laku, Penglibatan dan Sumbangan dan Nilai Sepunya) HRMIS boleh menjejaskan urusan personel dan kemajuan kerjaya kakitangan pada masa hadapan. Dimaklumkan bahawa elemen fungsian iaitu Kompetensi Fungsian masih belum diarahkan penggunaannya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

4. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada:

- (i) **Pengurusan Sub SKU** : syammimi@dvs.gov.my
- (ii) **Pengurusan HRMIS** : hrmis@dvs.gov.my




5. Perhatian dan kerjasama pihak YBrs. Dr./ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"VETERINAR KOMPETEN MASYARAKAT SEJAHTERA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SYAIFENA BINTI ZAINUDDIN)

Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

s.k.:

- 1) KPPV
- 2) TKPPV (P)

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Kanan Bahagian Kesihatan Awam Veterinar
2. Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit Dan Biosekuriti Veterinar
3. Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik Dan Penilaian Veterinar
4. Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
5. Pengarah Bahagian Penguatkuasa Veterinar
6. Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan
7. Pengarah Bahagian Penyelidikan Veterinar
8. Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar
9. Pengarah Bahagian Pembangunan Genetik Dan Teknologi Penternakan
10. Ketua Unit Integriti
11. Ketua Unit Komunikasi Korporat
12. Ketua Unit Undang-Undang
13. Unit Direktorat
14. Unit Majlis Veterinar Malaysia

JADUAL PELAKSANAAN PENILAIAN PRESTASI BAGI PENGURUSAN PRESTASI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN PELAKSANA MELALUI HRMIS BAGI TAHUN 2024 DI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TEMPOH MASA
1.	Kunci masuk Sub SKU bagi semua kakitangan di Bahagian masing-masing	Pentadbir SKU Bahagian	7 Februari – 29 Februari 2024
2.	Pengisian pencapaian sukuan pertama bagi submodul: (i) SKU (ii) Penglibatan dan Sumbangan	PYD	1 Mac – 31 Mei 2024
3.	Penilaian pencapaian sukuan pertama bagi submodul: (i) SKU (ii) Kompetensi Tingkah Laku (iii) Penglibatan dan Sumbangan	PP	1 Jun – 14 Jun 2024
4.	Pengisian pencapaian sukuan kedua bagi submodul: (i) SKU (ii) Penglibatan dan Sumbangan	PYD	15 Jun – 31 Ogos 2024
5.	Penilaian pencapaian sukuan kedua bagi submodul: (i) SKU (ii) Kompetensi Tingkah Laku (iii) Penglibatan dan Sumbangan	PP	1 September – 14 September 2024

6.	Pengisian pencapaian sukuhan ketiga bagi submodul: (i) Submodul SKU (ii) Submodul Penglibatan dan Sumbangan	PYD	15 September – 30 November 2024*
7.	Penilaian pencapaian sukuhan ketiga bagi submodul: (i) SKU (ii) Kompetensi Tingkah Laku (iii) Penglibatan dan Sumbangan	PP	1 Disember – 14 Disember 2024*
8.	Penilaian Nilai Sepunya dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2024 akan dimaklumkan melalui surat edaran pada November 2024.		

Nota:

*Tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa.

PYD – Pegawai Yang Dinilai

PP – Pegawai Penilai

Gred Jusa C dan ke atas tidak perlu mengisi pencapaian sub SKU dan Penglibatan dan Sumbangan. Walau bagaimanapun, pegawai Gred Jusa C dan ke atas perlu menilai pegawai seliaan masing-masing melalui submodul SKU, Penglibatan dan Sumbangan dan Kompetensi Tingkah Laku.